

05/07/1999

Pas buat fitnah lagi (HL)

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan dakwaan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, kononnya wujud unsur kafir dalam Umno sebagai fitnah.

Perdana Menteri berkata, Nik Aziz bebas mengkritik kepemimpinan negara, tetapi tindakan Mursyidul Am Pas itu membuat tuduhan sedemikian boleh dipertikaikan.

"Ini dia nak fitnah lagi pulak, kata orang kafir, apa semua . . .," katanya kepada TV3 yang disiarkan dalam Buletin Utama, malam ini.

Dr Mahathir ditemuramah oleh TV3 ketika beliau membuat lawatan peribadi ke sebuah pusat beli-belah di Bandar Utama, Damansara dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas dakwaan Nik Aziz dalam ceramah politik di Padang Tembak, Pengkalan Chepa, Kelantan pada malam Jumaat lalu bahawa wujudnya unsur kafir dalam Umno.

Nik Aziz juga mendakwa Umno jelas menolak al-Quran dan hadis sebagai cara hidup, sebaliknya menggunakan peraturan lain sebagai undang-undang di negara ini.

Di KEPALA BATAS, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pula berkata, Pas memang gemar menggunakan pendekatan menakut-nakutkan orang Islam dan pembohongan untuk mencapai matlamat politiknya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, setelah gagal menakutkan orang Islam bahawa mereka yang menyertai Umno itu kafir, Pas kini menuduh pula terdapat unsur kafir dalam Umno.

Dalam sidang akhbar selepas merasmikan perhimpunan pergerakan Pemuda Umno Kepala Batas di Pusat Daya Pengeluaran Negara hari ini, beliau berkata, matlamat Pas hanya untuk menarik orang Umno menyertai parti itu atau meninggalkan terus perjuangan Umno.

"Ia juga kemungkinan bertujuan memesongkan pandangan orang Islam di negara ini terhadap perjuangan Umno. Ini bukan cara untuk berdakwah untuk kebaikan dan kebajikan Islam," katanya.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno, berkata Umno tidak pernah menolak al-Quran serta hadis dan tuduhan Nik Aziz itu adalah satu pembohongan yang menjadi amalan Pas.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Pas juga sanggup memberi pelbagai fatwa yang mengelirukan dan mengamalkan sikap taksab sehingga tidak dapat mengakui kebenaran yang wujud.

Abdullah berkata, walaupun kerajaan tidak memanggil semua program yang dilaksanakan itu sebagai Islam, keadaan itu tidak bermakna ia bercanggah dengan ajaran Islam.

Menurutnya, penghayatan Islam bukan saja dalam bentuk dan rupa, tetapi yang lebih penting amalan melalui kemajuan dan pembangunan yang dinikmati rakyat.

"Yang jelas, Umno sudah melakukan pelbagai perkara yang berhubung kait dengan Islam di negara ini dan meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara," kata Abdullah.

Menurutnya, pendekatan yang dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) juga berjaya meningkatkan taraf hidup orang Melayu dan kemajuan ini sekali gus menyebabkan negara asing menganggap Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

"Orang bukan Islam juga tidak mempunyai halangan kepada pendekatan Umno, malah bersedia bekerjasama kerana mereka tahu Umno tidak memusuhi mereka.

Sebab itulah, Perikatan dan kini BN, dapat kekal memerintah," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, juga kesal dengan sikap Nik Aziz yang terus menuduh Umno sebagai parti kafir.

Beliau berkata, kerajaan BN yang diterajui Umno, tidak pernah mengetepikan Islam dalam perjuangannya sejak merdeka.

"Hanya Pas yang tidak pernah faham dan mengiktiraf apa yang dibuat kerajaan kerana mereka mempunyai agenda politik," katanya.

(END)